



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BIL. 1 TAHUN 2014

PINDAAN KEPADA LAMPIRAN A – SENARAI SKIM – SKIM PERKHIDMATAN YANG MEMPERUNTUK SYARAT LANTIKAN DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA DAN/ATAU IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda LAMPIRAN A kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2009](#).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan mengiktiraf kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D mengikut ketetapan seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2009 dan kelayakan masuk bagi skim – skim perkhidmatan yang memperuntuk syarat lantikan di peringkat Ijazah Sarjana dan Ph.D yang sedang berkuat kuasa adalah juga sebagaimana yang ditetapkan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan yang sama.

PINDAAN

3. Senarai kelayakan masuk bagi skim – skim perkhidmatan di LAMPIRAN A Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2009 adalah dipinda seperti di LAMPIRAN A.

TARIKH KUAT KUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 17 November 2009 iaitu tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2009 dikeluarkan.

**SENARAI SKIM – SKIM PERKHIDMATAN
YANG MEMPERUNTUK SYARAT LANTIKAN DI PERINGKAT IJAZAH
SARJANA DAN/ATAU IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)**

Bil	Skim Perkhidmatan	Kelayakan Masuk
1.	Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Gred Khas	Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
2.	Pensyarah UiTM Gred DM41, DM45, DM51/52, DM53/54, Gred Khas	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
3.	Pegawai Penyelidik Gred Q41, Q44, Q48, Q52, Q54	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
4.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41/42, DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
5.	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, F44, F48, F52, F54	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
6.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41, M44, M48, M52, M54	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
7.	Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41, Q44, Q48, Q52, Q54	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
8.	Pegawai Psikologi Gred S41, S44, S48, S52, S54	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
9.	Pegawai Kanan Polis Gred YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana; atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
10.	Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54	Ijazah Sarjana Muda Keujian; atau Ijazah Sarjana
11.	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41, S44, S48, S52, S54	Ijazah Sarjana Muda; atau Ijazah Sarjana